

Mh
27/04/05



حبيب رسول الله
صلى الله عليه وسلم
الطيب

SEMINAR HABIBI RASULULLAH S.A.W.

SEMPENA
SAMBUTAN MAULIDURRASUL S.A.W. 1426H
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

ANJURAN:
TAKMIR MASJID UNIVERSITI
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PADA:
HARI RABU
19 RABIULAWAL 1426H /27 APRIL 2005M

KERTAS KERJA KETIGA:
"SYAMAIL RASULULLAH SAW"
OLEH
USTAZ HJ ADANAN BIN HJ BASAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْعَمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
السَّلَامَةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

شَمَائِلُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ SYAMAIL RASULULLAH S. A.W.¹

Muqaddimah

Nabi Muhammad s.a.w. adalah utusan Allah untuk sekalian alam yang mempunyai sifat-sifat kesempurnaan yang diwahyukan oleh Allah Taala sebagai suri tauladan kepada sekalian manusia. Edaran ini disediakan untuk memberikan informasi mengenai beberapa aspek yang berkaitan dengan syamail atau sifat-sifat kesempurnaan Baginda; yang meliputi hadith-hadith mengenai keadaan fizikal, sifat-sifat, akhlak, kebiasaan, amalan-amalan harian, adab-adab serta fadhilat-fadhilat yang sepatutnya diamalkan dan dihayati oleh sekalian manusia. Usaha ini diharapkan akan dapat menambahkan semangat untuk mengikutiti serta menghayati sifat-sifat dan amalan Rasulullah serta menyemai rasa cinta yang lebih mendalam kepada Baginda.

Sifat-sifat Fizikal Rasulullah S.A.W.

Baginda adalah seorang yang sangat tampan; tidak terlalu tinggi dan tidak juga terlalu rendah; badan yang sederhana, tidak terlalu gemuk dan tidak terlalu kurus; berkulit sawo matang iaitu tidak terlalu putih dan tidak juga terlalu gelap; mempunyai dada yang bidang; rambut yang hitam tidak terlalu keriting dan tidak juga terlalu lurus, panjang hingga mencecah cuping telinga. Al Barra meriwayatkan:

حَدَّثَنَا حَقَّصُ بْنُ عَمْرٍو حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ
كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرْبُوعًا بَعِيدَ مَا بَيْنَ الْمَتَكَيْنِ لَهُ شَعْرٌ يَبْلُغُ شَحْمَةَ أُذُنِهِ رَأَيْتُهُ
فِي حُلَّةٍ حَمْرَاءَ لَمْ أَرَ شَيْئًا قَطُّ أَحْسَنَ مِنْهُ.²

"Adalah Rasulullah s.a.w. tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah, bahu yang jenjang, mempunyai rambut yang mencecah ke cuping telinganya, aku melihatnya dalam baju merah yang aku tidak pernah melihat sesuatu yang lebih baik daripadanya."

¹ Edaran ini disampaikan dalam Seminar Habibi Rasulullah s.a.w. anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti. Universiti Brunei Darussalam pada 18 Rabiulawal 1426 bersamaan 27 April 2005 di Dewan Canselor. Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam.

² Sahih Bukhari. Hadith 3287

Kepala Baginda besar, muka bercahaya dan lawa, mempunyai bentuk mata yang luas, terdapat titik merah di mata putih, mulut yang lebar; jenggut tebal memenuhi dada; dahi yang luas; dada dan perut Baginda selaras rata serta Baginda berjalan dengan cepat dan condong kehadapan. Abu Hurairah meriwayatkan:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ لَهِيْعَةَ عَنْ أَبِي يُوسُفَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ مَا رَأَيْتُ شَيْئًا أَحْسَنَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ الشَّمْسُ تَجْرِي فِي وَجْهِهِ وَمَا رَأَيْتُ أَحَدًا اسْرَعَ فِي مَشْيِهِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَأَنَّهَا الْأَرْضُ تُطَوِّي لَهُ إِنَّا لَنُجْهِدُ أَنْفُسَنَا وَإِنَّهُ لَغَيْرُ مُكْتَرَبٍ³

"Aku tidak melihat sesuatu yang lebih baik daripada Rasulullah, seolah-olah matahari berlalu di wajahnya, dan aku tidak melihat seorang berjalan lebih cepat daripada Rasulullah seolah-olah tanah menurun dan kami sering berusaha bersamanya tetapi Baginda tidak keletihan."

Hadith lain juga ada menyebut:

حَدَّثَنَا يُوسُفُ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَقِيلٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ عَنْ أَبِيهِ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ضَخْمَ الرَّأْسِ عَظِيمَ الْعَيْنَيْنِ هَدَبَ الْأَشْفَارِ مُشْرَبَ الْعَيْنِ بِحُمْرَةٍ كَثَّ اللَّحْيَةُ أَزْهَرَ اللَّوْنُ إِذَا مَشَى تَكَفَّأَ كَأَنَّمَا يَمْشِي فِي صُغْدٍ وَإِذَا التَّقَّتْ التَّقَّتْ جَمِيعًا سِنَّ الْكَفَّيْنِ وَالْقَدَمَيْنِ.⁴

"Adalah Rasulullah mempunyai kepala yang besar, dua mata yang besar, lebat bulu mata, ada titik merah di mata putih, jenggut yang tebal, berkulit cerah, apabila berjalan condong seperti berjalan menurun bukit dan apabila menoleh seluruh badan Baginda berpusing (bahu dan kedua kaki)."

Kewangian Dan Kehalusan Kulit Rasulullah S.A.W.

Selain mempunyai kesempurnaan tubuh dan anggota badan, baginda juga mempunyai keistimewaan seperti mempunyai kulit yang sangat halus serta bau badan yang sangat harum. Setengah riwayat menyebutkan bahawa peluh yang keluar dari tubuh Baginda juga mengeluarkan bau yang wangi; sehingga ada sahabat yang mengumpulkan peluh Baginda untuk dijadikan haruman.

Apabila melalui satu jalan, orang akan mengetahui bahawa Baginda baru saja melalui jalan berkenaan kesan haruman Baginda yang masih ada. Anas berkata:

وَحَدَّثَنِي أَحْمَدُ بْنُ سَعِيدٍ بْنُ سَعِيدِ بْنِ صَخْرٍ الدَّارِمِيُّ حَدَّثَنَا حَبَّانُ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ حَدَّثَنَا ثَابِتٌ عَنْ أَنَسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَزْهَرَ اللَّوْنِ كَانَ عَرَقُهُ اللَّوْلُؤُ إِذَا مَشَى تَكَفَّأَ وَلَا مَسْبَسَتْ

³ Ibid, Hadith 8586.

⁴ Musnad Ahmad, Hadith 646.

دِيْبَاجَةٌ وَلَا حَرِيرَةَ الْبَيْنِ مِنْ كَفِّ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا شَمِيمَتِ مِسْكَةٍ وَلَا عَثْبِرَةَ
أَطْيَبَ مِنْ رَائِحَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.⁵

"Adalah Rasulullah s.a.w. berkulit cerah, peluhnya seperti mutiara, apabila berjalan badannya condong, dan aku tidak pernah menyentuh kain sutera lebih lembut daripada tapak tangan Rasulullah s.a.w. dan aku tidak menghidu bau Misk da Anbar lebih harum daripada bau Rasulullah s.a.w."

Anas bin Malik meriwayatkan:

حَدَّثَنِي زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا هَاشِمٌ يَعْنِي ابْنَ الْقَاسِمِ عَنْ سُلَيْمَانَ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ
دَخَلَ عَلَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَنَامَ عِنْدَنَا فَعَرِقَ وَجَاءَتْ أُمِّي بِقَارُورَةٍ فَجَعَلَتْ تَسْلُبُ
الْعَرِقَ فِيهَا فَاسْتَيْقِظَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا أُمَّ سَلِيمٍ مَا هَذَا الَّذِي تَصْنَعِينَ قَالَتْ هَذَا
عَرَفُكَ تَجْعَلُهُ فِي طَبِينَا وَهُوَ مِنْ أَطْيَبِ الطَّيِّبِ.⁶

"Anas bin Malik berkata: Rasulullah s.a.w. masuk ke tempat kami lalu tertidur dan berpeluh; maka datang ibuku dengan sebiji botol lalu mengisikannya dengan peluh Baginda; Rasulullah s.a.w. terjaga lantas berkata: "Apa yang awak sedang lakukan?"; ibuku berkata: "Ini peluhmu akan kami jadikan haruman kami dan ia adalah seharum-harum wangian".

Riwayat Jabir menyatakan:

أَخْبَرَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ الْقَضَلِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْهَاشِمِيُّ أَخْبَرَنَا الْمُغِيرَةَ بْنَ
عَطِيَّةَ عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَسْلُكْ طَرِيقًا أَوْ لَا يَسْلُكُ
طَرِيقًا فَيَتَّبَعُهُ أَحَدًا إِلَّا عَرَفَ أَنَّهُ قَدْ سَلَكَ مِنْ طَيِّبِ عَرْفِهِ أَوْ قَالَ مِنْ رِيحِ عَرْفِهِ.⁷

"Jabir berkata: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w. melintasi satu jalan, lalu diikuti oleh seseorang, maka ia akan mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. telah melalui jalan itu kesan wangian atau dari bau peluh Baginda".

Kesucian Air Liur Rasulullah S.A.W.

Keistimewaaan khas yang diberikan oleh Allah Taala kepada Rasulullah s.a.w. ialah Baginda mempunyai air liur yang suci dan bersih. Apabila Baginda mengeluarkan air liur dengan cara berludah, maka air ludah Baginda akan mengeluarkan bau yang sangat wangi melebihi kewangian Misk. Banyak riwayat yang menyebut tentang hal ini antaranya ialah daripada Abdul Jabbar daripada bapanya:

⁵ Sahih Muslim, Hadith 4299.

⁶ Sahih Muslim, Hadith 4300

⁷ Sunan Al-Darimi, Hadith 66.

حَدَّثَنَا سُوَيْدُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا سُهَيْبَانُ بْنُ عُبَيْدَةَ عَنْ مِسْعَرٍ وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عُمَانَ بْنِ كَرَامَةَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ مِسْعَرٍ عَنْ عَبْدِ الْجَبَّارِ بْنِ وَايِلٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آتِيًا يَدُلُّوهُ فَمَضَمَضَ مِنْهُ فَمَجَّ فِيهِ مِسْكًَا أَوْ أَطِيبًا مِنَ الْمِسْكِ وَاسْتَنْثَرَ خَارِجًا مِنَ الدَّلْوِ⁸

"Abdul Jabbar bin Wail meriwayatkan daripada bapanya: Aku telah melihat Rasulullah s.a.w. diberikan dengan bekas berisi air lalu Baginda berkumbang-kumbang dan meluahkan air semula ke dalam bekas dengan bau yang sangat harum lebih harum daripada Misk; lalu Baginda memasukkan air ke dalam hidung dan mengeluarkannya di luar bekas."

Memulakan Sesuatu Yang Baik Dari Sebelah Kanan

Adalah sunnah bagi orang-orang Islam untuk memulakan setiap pekerjaan dengan menggunakan tangan kanan atau memulakan daripada anggota sebelah kanan kecuali beberapa perkara tertentu. Rasulullah s.a.w. sangat menggalakkan umatnya supaya memulakan sesuatu dari sebelah kanan dalam urusan atau perkara yang baik dan mulia; sementara anggota sebelah kiri selalunya digunakan dalam perkara yang berkaitan dengan sesuatu yang kurang baik atau kotor.

Baginda sering memulakan sesuatu dengan mendahulukan sebelah kanan seperti dalam mengangkat hadath kecil atau besar, menyisir rambut, memakai pakaian, masuk masjid, bercelak dan sebagainya. Begitu juga dengan tangan kanan Baginda gunakan untuk makan dan bersalam. Saidatuna Aisyah meriwayatkan:

حَدَّثَنَا هُنَّادُ بْنُ السَّرِيِّ حَدَّثَنَا أَبُو الْأَحْوَصِ عَنْ أَشْعَثَ بْنِ أَبِي الشَّعَثَاءِ ح وَحَدَّثَنَا سُهَيْبَانُ بْنُ وَكَيْعٍ حَدَّثَنَا عَمْرُ بْنُ عَبِيدٍ الطَّنَافِيسِيُّ عَنْ أَشْعَثَ بْنِ أَبِي الشَّعَثَاءِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُحِبُّ التَّيْمَنَ فِي الطَّهُورِ إِذَا تَطَهَّرَ وَفِي تَرْجُلِهِ إِذَا تَرَجَّلَ وَفِي انْتِعَالِهِ إِذَا انْتَعَلَ.⁹

"Saidatuna Aisyah berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. suka mendahulukan sebelah kanan dalam penyucian apabila bersuci, dan dalam merapikan rambut apabila besisir dalam bersandal ketika memakai sandal."

Rasulullah s.a.w. juga mengkhususkan beberapa perkara atau perbuatan dengan mendahulukan sebelah kiri seperti masuk bilik air dan keluar masjid. Tangan kiri Baginda juga digunakan untuk tujuan pembersihan. Perkara ini pernah nyatakan oleh Saidatuna Aisyah r.a.:

⁸ Sunan Ibn Majah, Hadith 651.

⁹ Ibn Majah, Hadith 395.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنْ سَعِيدٍ عَنْ أَبِي مَعْشَرٍ عَنِ النَّخَعِيِّ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَتْ يَدُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْيُسْرَى لِخِثَائِهِ وَمَا كَانَ مِنْ أَدَى وَكَانَتْ الْيُمْنَى لَوْضُوئِهِ وَكَيْمَطَعِهِ¹⁰.

"Saidatuna Aisyah berkata: Adalah tangan kiri Rasulullah s.a.w digunakan untuk beristinja dan perkara-perkara yang kotor, sementara sebelah kanan untuk wudhu dan makanannya."

Tidur Rasulullah S.A.W. dan Adabnya

Walaupun diutus sebagai seorang Rasul, tapi Baginda juga sama seperti manusia biasa yang mempunyai nafsu dan keperluan asas sebagai manusia seperti makan, minum, istirahat, berkeluarga dan lain-lain. Tidur adalah antara keperluan Rasulullah s.a.w.; namun walaupun mata Baginda tidur tapi hati Baginda tidak pernah lalai. Banyak Hadith yang berkaitan dengan perihal tidur Baginda serta adab-adabnya untuk dijadikan contoh cara tidur yang sihat.

Antaranya ialah apabila hendak tidur Baginda membiasakan diri dengan mengambil wudhu terlebih dahulu, membersihkan tempat tidur, membaca beberapa ayat al-Quran dan doa; baring menyiring sebelah kanan sambil meletakkan tangan kanannya di bawah pipi kanan.

حَدَّثَنَا أَبُو التَّضَرِّ حَدَّثَنَا شَرِيكٌ عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ عُمَيْرٍ عَنْ رَبِيعِ بْنِ جَرَّاشٍ عَنْ حَدِيقَةَ بْنِ الْيَمَانِ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَخَذَ مَضْجَعَهُ مِنَ اللَّيْلِ وَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى تَحْتَ خَدِّهِ الْيُمْنَى ثُمَّ يَقُولُ اللَّهُمَّ يَا سَمِكَ أَحْيَا وَيَا سَمِكَ أَمُوتُ فَإِذَا اسْتَيْقَظَ مِنَ اللَّيْلِ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانِي بَعْدَمَا أَمَاتَنِي وَإِلَيْهِ النُّشُورُ¹¹.

"Huzalfah berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. apabila hendak tidur pada waktu malam, Baginda meletakkan tangan kanannya di bawah pipi kanannya, kemudian membaca doa "Ya Allah, dengan namaMu aku hidup dan dengan namaMu aku mati", apabila Baginda terjaga daripada tidur Baginda akan membaca doa "Segala puji bagi Allah yang telah menghidupkanku setelah matiku dan kepadaNya lah tempat kembali".

Apabila terjaga daripada tidur, Baginda akan terus mengingati Allah serta membaca doa. Selepas itu Baginda akan memasukkan air ke dalam hidung dan menghembuskannya tiga kali, bersuci dan berwudhu, kemudian menunaikan solat. Hadith-hadith berikut memberikan penjelasan mengenai hal ini:

¹⁰ Sunan Ahmad, Hadith 25082

¹¹ Sunan Ahmad, Hadith 22198

حَدَّثَنِي بِشْرُ بْنُ الْحَكَمِ الْعَيْدِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ يَعْنِي الدَّرَاوَرْدِيَّ عَنِ ابْنِ الْهَادِ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ
إِبْرَاهِيمَ عَنْ عَيْسَى بْنِ طَلْحَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا اسْتَيْقَظَ
أَحَدُكُمْ مِنْ مَتَامِهِ فَلْيَسْتَنْتِرْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَبِيتُ عَلَى خَيْشِيمِهِ.¹²

"Rasulullah bersabda: "Apabila seorang kamu bangun dari tidurnya, maka hendaklah ia memasukkan air ke dalam hidungnya dan menghembuskan tiga kali, sesungguhnya syaitan bermalam dalam hidungnya (semasa tidur).

Makan Dan Minum Rasulullah S.A.W.

Rasulullah s.a.w. sangat perihatin dengan kesihatan Baginda dan menjaga sistem permakannya. Perkara penting yang dijaga dalam makanan ialah kehalalan, sumber dan khasiatnya serta menjauhkan dari melampau dan berlebih-lebihan. Berasaskan riwayat, Baginda hanya akan makan apabila lapar dan berhenti sebelum kenyang. Baginda juga mensihatkan supaya membahagikan perut kepada tiga bahagian, iaitu untuk makanan, minuman dan udara.

Antara adab yang disarankan Rasulullah s.a.w dalam makan dan minum ialah menyuci tangan dan membaca Basmalah sebelum makan. Baginda juga biasa makan dengan menggunakan tangan kanan dan tiga jarinya serta sering menjilat sisa makanan dijari setiap lepas makan. Selain itu, Baginda juga menyarankan agar mengambil makanan yang terjatuh dan membersihkannya sebelum makan serta mengambil makanan dari arah tepi bekas makanan. Antara hadith yang berkaitan dengan hal ini ialah:

حَدَّثَنَا عَفَّانُ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ قَالَ أَخْبَرَنَا ثَابِتٌ عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَسَانَ إِذَا
أَكَلَ طَعَامًا لَعِقَ أَصَابِعَهُ الثَّلَاثَ وَقَالَ إِذَا وَقَعَتْ لُقْمَةٌ أَحَدِكُمْ فَلْيُمِطْ عَنْهَا الْأَذَى وَلْيَأْكُلْهَا وَلَا يَدْعُهَا
لِلشَّيْطَانِ وَأَمَرْنَا أَنْ نَسَبِّتَ الصَّحْفَةَ وَقَالَ إِنَّكُمْ لَا تَدْرُونَ فِي أَيِّ طَعَامِكُمُ الْبِرْكَةُ.¹³

"Anas berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. apabila makan makanan akan menjilat tiga jarinya, dan berkata jika terjatuh sebahagian makanan kamu hendaklah ia membersihkan kotorannya dan memakannya dan jangan membiarkan syaitan mengambilnya, dan menyuruh kami mengelap piring dengan jari (dan menjilatnya), dan berkata: Sesungguhnya kamu tidak tahu dimanakah letaknya barakah dalam makanan kamu".

Sementara itu, minuman kegemaran Baginda ialah yang manis dan sejuk, susu, air Zam zam, air dan madu. Baginda juga suka makan buah-buahan yang berbuah pada musimnya. Antara makanan yang pernah dimakan Baginda menurut banyak

¹² Sahih Muslim, Hadith 351.

¹³ Sunan Ahmad, Hadith 13575.

riwayat ialah roti, sop, daging, buah khurma (rutab), timun, tembikai, delima, cuka dan lain-lain.

حَدَّثَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ حَدَّثَنَا عَمَّارٌ سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ أَكَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ رُطْبًا وَشَرِبُوا مَاءً فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا مِنَ النَّعِيمِ الَّذِي تُسْأَلُونَ عَنْهُ¹⁴

"Abdullah berkata: Rasulullah s.a.w. bersama Abu Bakar dan Umar telah makan kurma basah dan minum air, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Inilah dia nikmat yang kamu tanyakan."

حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ مَعْمَرٍ عَنِ الرَّهْرِيِّ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ كَانَتْ أَحَبَّ الشَّرَابِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَلْوُ الْبَارِدُ¹⁵

"Saidatuna Aisyah berkata: Minuman yang paling disukai oleh Rasulullah s.a.w. ialah yang manis dan sejuk."

Hadith lain ada juga mengatakan:

حَدَّثَنَا نَصْرُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ عَنْ حَجَّاجٍ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَعْفَرٍ أَنَّهُ قَالَ إِنَّ آخِرَ مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي إِحْدَى يَدَيْهِ رُطْبَاتٌ وَفِي الْآخَرَى قِتَاءٌ وَهُوَ يَأْكُلُ مِنْ هَذِهِ وَيَعْضُ مِنْ هَذِهِ وَقَالَ إِنَّ أَطْيَبَ الشَّاةِ لَحْمُ الظَّهْرِ¹⁶

"Abdullah bin Jaafar berkata: Aku melihat Rasulullah s.a.w. di sebelah tangan Baginda rutab (kurma masak) dan di sebelah lagi timun. Baginda makan dari ini dan mengunyah yang ini dan bersabda: Sesungguhnya yang bahagian kambing paling baik ialah daging belakang."

Wangian Rasulullah S.A.W.

Selain mempunyai air peluh, air liur dan badan yang mengeluarkan bau yang sangat harum, Baginda Rasulullah s.a.w. juga amat gemar menggunakan wangi-wangian seperti misk dan anbar.

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي فُدَيْكٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُسْلِمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثٌ لَا تُرَدُّ الْوَسَانِدُ وَالذَّهْنُ وَاللَّبَنُ¹⁷

"Ibn Umar berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: tiga perkara yang tidak ditolak iaitu bantal, wangian dan susu."

Riwayat lain daipada Saidatuna Aisyah:

¹⁴ Musnad Ahmad, Hadith 14259

¹⁵ Musnad Ahmad, Hadith 22971

¹⁶ Musnad Ahmad, Haduth 1658

¹⁷ Sunan Al-Termizi, Hadith 2714

أَخْبَرَنَا أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ أَبِي السَّقَرِ عَنْ عَبْدِ الصَّمَدِ بْنِ عَبْدِ الْوَارِثِ قَالَ حَدَّثَنَا بَكْرُ الْمُرَلُّوقُ قَالَ حَدَّثَنَا
عَبْدُ اللَّهِ ابْنُ عَطَاءٍ الْهَاشِمِيُّ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ قَالَ سَأَلْتُ عَائِشَةَ أَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَتَطَيَّبُ قَالَتْ نَعَمْ بِذِكْرَةِ الطَّيِّبِ الْمِسْكِ وَالْعَنْبَرِ¹⁸

"Muhammad bin Ali bertanya kepada saidatuna Aisyah adakah Rasulullah s.a.w. memakai wangian; ia berkata: ya dengan wangian lelaki iaitu misk dan anbar".

Pakaian Rasulullah S.A.W.

Banyak Hadith yang berkaitan dengan jenis pakaian yang dipakai oleh Rasulullah s.a.w. begitu juga dengan adab-adab dalam berpakaian. Antara adab utama dalam berpakaian ialah menutup aurat, kemas dan sopan serta bersih; dan Rasulullah s.a.w. selalu mendahulukan sebelah kanan apabila memakai pakaian dan membaca doa tertentu apabila memakai pakaian baru.

Menurut riwayat pakaian kegemaran Baginda ialah qamis panjang, jubah, selendang dan serban. Warna kegemaran Baginda pula ialah putih; sementara ada juga riwayat menyebutkan Baginda memakai pakaian berwarna merah, hitam dan hijau serta yang bergaris garis. Hadith-hadith berikut memberikan beberapa pernyataan mengenai pakaian Rasulullah s.a.w.:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ يَعْنِي ابْنَ إِيَادٍ حَدَّثَنَا إِيَادُ عَنْ أَبِي رَمْثَةَ قَالَ انْطَلَقْتُ مَعَ أَبِي
نَحْوَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَأَيْتُ عَلَيْهِ بُرْدَيْنِ أَحْضَرَيْنِ¹⁹

"Daripada Abi Rimthah ia berkata: Aku menuju Rasulullah s.a.w bersama bapaku dan aku melihat Baginda mempunyai dua selendang berwarna hijau"

Hadith lain ada juga menyebut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حُمَيْدٍ الرَّازِيُّ حَدَّثَنَا أَبُو لُمَيْلَةَ وَالْفَضْلُ بْنُ مُوسَى وَزَيْدُ بْنُ حُبَابٍ عَنْ عَبْدِ الْمُؤْمِنِ
بْنِ خَالِدٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ كَانَ أَحَبَّ الثِّيَابِ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
الْقَمِيصُ.²⁰

"Ummu Salamah berkata: Sesungguhnya pakaian yang paling disukai Nabi s.a.w ialah qamis"

Sementara itu, riwayat lain menjelaskan:

حَدَّثَنَا وَكَيْعٌ حَدَّثَنَا مُسَاوِرُ الْوَرَّاقُ عَنْ جَعْفَرِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ حُرَيْثٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
خَطَبَ النَّاسَ وَعَلَيْهِ عِمَامَةٌ سَوْدَاءُ²¹

¹⁸ Sunan An-Nasai, Hadith 5027

¹⁹ Sunan Abi Daud, Hadith 3543

²⁰ Sunan Al-Termizi, Hadith 1684

"Harith meriwayatkan daripada bapanya bahawa Rasulullah s.a.w. telah memberikan khutbah dan Baginda memakai serban berwarna hitam."

Kebersihan Dan Perhiasan Rasulullah S.A.W.

Sebagaimana yang dinyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang tampan dengan badan yang sihat dan kuat. Baginda sangat mengambil berat tentang kesihatan, kebersihan dan perhiasan diri. Terdapat banyak riwayat yang mengatakan bahawa Baginda sangat suka membersihkan diri dengan mandi, bersugi dan memakai wangi-wangian.

Baginda juga menyarankan supaya selalu mengemaskan diri dengan menjaga kebersihan seperti berkhatan, mencukur bulu tempat sulit, memotong janggut dan kuku serta memakai celak. Seorang sahabat menjelaskan:

قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ سَعْدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ قَالَ سَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ ثَوْبَانَ يُحَدِّثُ عَنْ رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ عَنْ رَجُلٍ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ ثَلَاثٌ حَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالسَّوَاكُ وَيَمْسُ مِنْ طَيِّبٍ إِنْ وَجَدَ²²

"Seorang sahabat berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Tiga hak setiap muslim iaitu mandi pada hari Jumaat, bersugi dan menyapu wangian jika ada."

Sementara itu, Baginda juga memberikan saranan supaya menggunakan celak untuk kesihatan mata dan perhiasan. Ibn Abbas meriwayatkan:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حُمَيْدٍ حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ هُوَ الطَّبَّالِيُّ عَنْ عَبْدِ بْنِ مَنْصُورٍ عَنْ عِكْرَمَةَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اكْتَحِلُوا بِالْإِثْمِدِ فَإِنَّهُ يَجْلُو الْبَصَرَ وَيُنَيْتُ الشَّعْرَ وَرَزَعَمَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَتْ لَهُ مَكْحَلَةٌ يَكْتَحِلُ بِهَا كُلَّ لَيْلَةٍ ثَلَاثَةَ فِي هَذِهِ وَثَلَاثَةَ فِي هَذِهِ.²³

"Ibnu Abbas berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Bercelak matalah kamu dengan Ithmid, sesungguhnya ia membersihkan mata dan melebatkan bulu. Dikatakan juga bahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai bekas tempat celak (kohl) dan mencelak mata Baginda setiap malam tiga kali kanan dan kiri."

²¹ Musnad Ahmad, Hadith 17985

²² Musnad Ahmad, Hadith 15802

²³ Sunan Al-Turmuzi, 1679

Penutup

Sebenarnya masih terlalu banyak lagi sifat-sifat kesempurnaan atau syamail yang ada dalam diri Rasulullah s.a.w. Setiap detik dan langkah dalam hidup Baginda adalah pengajaran supaya diambil contoh oleh sekalian manusia. Sifat-sifat lain Baginda termasuklah sifat-sifat akhlak, adab tertib, doa-doa dan wirid, perhiasan dan barang kepunyaan Baginda. Selain itu, sifat kesempurnaan Baginda juga termasuklah tertib ibadah solat, puasa, haji, amalan-amalan sunnat serta hukum-hukum syariat yang Baginda sendiri amalkan seperti hukum Jinayat, Munakahat, Muamalat dan lain-lain lagi. Selain mengetahui syamail Rasulullah s.a.w kita juga dituntut untuk menghayati dan mengamalkan sifat-sifat dan tindak tanduk Baginda dengan sedaya upaya yang mampu. Kita dituntut untuk melaksanakan segala hukum-hakam syariat dan kita dijuga dituntut untuk melakukan perkara-perkara fardhu kifayah dan sunnah termasuklah sunnah Rasulullah. Semoga usaha yang sederhana ini akan dapat mengingatkan atau menambahkan lagi bahan maklumat kepada umat Islam serta dimanfaatkan untuk diamalkan dan disebar. Semoga kecintaan kita kepada Rasulullah s.a.w semakin bertambah kukuh dan semoga kita mendapat keredhaan Allah Taala.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

Bibliografi

Al-Quran al-Karim

أبو غدة، عبد الفتاح. (1997). الرسول المعلم وأساليبه في التعليم. بيروت: دار البشائر الإسلامية. ط 2.

أحمد، مهدي رزق الله. (1992). السيرة النبوية في ضوء المصادر الأصلية. الرياض: جامعة الملك سعود

البخاري، أبي عبد الله محمد بن إسماعيل. (1999). صحيح البخاري. الرياض: دار السلام للنشر والتوزيع. ط 2.

الترمذي، محمد بن عيسى. (2001). الشمائل المحمدية. بيروت: دار المعرفة. ط 4.

التميمي، محمد بن عبد الوهاب. (1999). مختصر زاد المعاد في هدى خير العباد. بيروت: دار ابن حرم. ط 1.

الجوزية، ابن القيم. (د.ت.). الطب النبوي. مكتبة الرسالة الحديثة.

الخصري، الشيخ محمد. (2001). نور اليقين في سيرة سيد المرسلين. بيروت: دار احياء التراث العربي. ط 1.

القرشي، خالد بن عبد الله. (2001). تربية النبي لأصحابه في ضوء الكتاب والسنة. مكة المكرمة: دار التربية والتراث. ط 1.

القرضاوي، يوسف. (1995). الحياة الربانية والعلم. القاهرة: مكتبة وهبة. ط 1.

_____. (1998). الإيمان والحياة. بيروت: مؤسسة الرسالة. ط 19.

النووي، أبي زكريا يحيى بن شرف. (1990). رياض الصالحين. بيروت: مؤسسة الرسالة. ط 12.

_____. (د.ت.). الأذكار. بيروت: دار الكتب العلمية.